

24 SEP 1999

YANG DI-PERTUAN AGONG HADIRI MAJLIS SANTAPAN DIRAJA

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah berkenan menghadiri majlis santapan Diraja di Istana Negara malam ini.

Majlis tersebut diadakan sempena pertabalan Sultan Salahuddin sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-11, di Istana Negara semalam.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Sultan Brunei Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan kedua-dua Raja Permaisuri baginda, Raja-Raja Melayu, Yang di Pertua Negeri, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri dan beberapa menteri kabinet, duta-duta asing serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Selepas majlis santapan itu, baginda berdua dan semua tetamu yang hadir dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan kesenian oleh Kementerian Penerangan.

Sultan Salahuddin, 74, dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 26 April lepas oleh Raja-Raja Melayu menggantikan Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang tamat tempoh pemerintahan pada 25 April.

Semalam, selepas pertabalan baginda, Sultan Salahuddin dan Raja Permaisuri berangkat merasmikan pameran "Raja Kita" di Muzium Negara sebelum menghadiri majlis tahlil dan doa selamat di Masjid Negara.

Pagi tadi, baginda berdua menghadiri jamuan teh meraikan kanak-kanak di The Mines, di sini.

-- BERNAMA

APG LAT